

# Kemahiran komunikasi bantu tambah markah

**Archival News | Berita Harian | 30/01/2018 | A-All**

Kuala Lumpur: Kemahiran berkomunikasi penting bagi membantu calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dapat menguasai markah maksimum pada bahagian pembentangan dalam kerja kursus pelbagai instrumen Sejarah.

Guru Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Puan Norliza Ismail, mengakui ramai pelajar yang boleh menulis dan menghasilkan kertas kerja yang baik, namun hanya sedikit yang mampu memberikan penerangan dengan baik ketika pembentangan.

Oleh itu, beliau berkata, penguasaan kemahiran berkomunikasi dan pengucapan awam mampu membantu calon mendapat markah yang lebih baik, selain menyediakan bahan kerja kursus yang lengkap dan menepati kehendak soalan.

Katanya, calon tidak digalakkan membaca ketika membuat pembentangan kerana cara berkenaan boleh menyebabkan mereka tidak layak untuk mendapat markah maksimum.

Bahan sokongan

"Oleh itu, kita berharap pelajar dapat menggunakan kemahiran berkomunikasi dengan baik, sekali gus mampu menerangkan hasil kajian dengan jelas dan teratur untuk kerja kursus masing-masing.

"Sekiranya pelajar dapat memberikan contoh dan penerangan yang lengkap serta menyertakan bahan sokongan mengikut kreativiti masing-masing ketika pembentangan, sudah pasti mereka layak untuk diberikan markah penuh," katanya.

Puan Norliza berkata, sehubungan dengan itu, beliau menasihatkan calon PT3 supaya meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan membuat persediaan pembentangan dengan teratur, sekali gus membolehkan mereka mendapat markah yang lebih banyak untuk mendapatkan gred yang lebih baik.

( END )

Source By: Berita Harian